



POLISI PENJANAAN PENDAPATAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KANDUNGAN

| Bab | Tajuk | Halaman |
|------------|---|----------------|
| 1 | PENGENALAN | 1 |
| 2 | DEFINISI | 6 |
| 3 | PUNCA KUASA | 10 |
| 4 | SKOP DAN AKTIVITI PENJANAAN PENDAPATAN | |
| | 4.1 SKOP PENJANAAN PENDAPATAN | 11 |
| | 4.2 AKTIVITI PENJANAAN PENDAPATAN | 14 |
| | RUJUKAN | 17 |
| | GLOSARI | 18 |

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang

1.1.1 Sumber kewangan utama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) adalah geran daripada Kerajaan Pusat. Berikutan perkembangan pesat sistem pendidikan tinggi Malaysia, Universiti perlu mengorak langkah memperkasakan fungsinya sebagai gedung ilmu berasaskan 10 lonjakan yang ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) atau ringkasnya PPPM (PT).

1.1.2 PPPM (PT) 2015-2025 telah menerangkan antaranya:

- i. ia dirangka berasaskan pencapaian semasa yang memerlukan perubahan besar dari segi sistem yang turut melibatkan peranan Kementerian yang secara khusus bertujuan antaranya untuk memastikan kemampuan kewangan bagi sistem pendidikan tinggi dengan mengurangkan kebergantungan kepada sumber kerajaan, dan memastikan semua pihak berkepentingan turut memberi sumbangan; dan
- ii. di bawah Lonjakan ke-5 Kemampuan Kewangan, Universiti Awam dan swasta akan mempelbagaikan sumber pendapatan untuk meningkatkan kualiti program secara berterusan, lebih berhemat dan inovatif dalam penggunaan sumber dan Kerajaan akan memberikan insentif kepada penubuhan tabung endowmen dan waqaf, selain menggalakkan sumbangan kepada pendidikan tinggi.

1.1.3 Sehubungan dengan itu, dalam mempelbagaikan sumber pendapatan Universiti, Jawatankuasa Penjanaan Pendapatan Universiti (JPPU) telah ditubuhkan untuk menjana idea, mengenalpasti, merancang serta memperkasakan aktiviti penjanaan pendapatan Universiti.

- 1.1.4 Polisi Penjanaan Pendapatan ini diwujudkan atas cadangan JPPU bagi menyediakan satu dokumen rujukan kepada PTj dalam melaksanakan aktiviti penjanaan pendapatan dan seterusnya membantu meningkatkan sumber kewangan Universiti.
- 1.1.5 Dokumen ini mengandungi rujukan terhadap sumber/punca kuasa, skop penjanaan pendapatan, dasar penjanaan pendapatan dan pengurusan bagi aktiviti penjanaan pendapatan yang dilaksanakan.
- 1.1.6 Selain daripada Polisi Penjanaan Pendapatan ini, satu Garis Panduan Penjanaan Pendapatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah dikeluarkan sebagai rujukan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 4/2014 yang bertujuan untuk membantu memperkasakan aktiviti-aktiviti yang dapat menjana pendapatan dalaman Universiti daripada pelbagai aspek terutamanya aktiviti penyelidikan, pengkomersilan dan perundingan serta aktiviti yang dilaksanakan anak syarikat Universiti.

1.2 Tujuan

- 1.2.1 Polisi ini diwujudkan bagi meningkatkan pendapatan Universiti secara efisien, efektif dan sistematik sejajar dengan status Universiti yang telah mendapat **kuasa autonomi** dalam empat bidang iaitu Governan Institusi; Kewangan dan Penjanaan Pendapatan; Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar.
- 1.2.2 Penjanaan pendapatan yang pelbagai akan mengurangkan kebergantungan kepada dana Kerajaan serta memberikan sumber dana tambahan seperti yang disasarkan dalam teras Pelan Strategik UTeM yang mana Pejabat Bendahari telah dipertanggungjawabkan untuk bertindak dan menggerakkan objektif strategik ini dan diperkasakan dengan sokongan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang perlu turut sama membantu meningkatkan sumber kewangan Universiti.
- 1.2.3 Empat perkara utama dan perancangan inisiatif yang perlu dipertingkatkan bagi mengatasi cabaran dalam pengurusan kewangan Universiti iaitu sumber yang terhad adalah melalui:

- i. penjimatan;
- ii. penjanaan pendapatan;
- iii. projek berimpak tinggi; dan
- iv. keberkesanan anak syarikat.

1.2.4 Tujuan utama penyediaan Polisi Penjanaan Pendapatan adalah:

- i. Menjadi dokumen rujukan bagi melaksanakan aktiviti penjanaan di UTeM;
- ii. Mengenalpasti pelbagai sumber penjanaan pendapatan yang boleh membantu meningkatkan hasil Universiti;
- iii. Memperkasakan aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan sedia ada melalui prosedur yang jelas dan proses pelaksanaan yang cekap; dan
- iv. Menjana idea serta cadangan baru bagi aktiviti atau sumber yang dapat mempertingkatkan lagi penjanaan sumber dalaman UTeM.

1.3 Sumber Peraturan dan Rujukan

1.3.1 Polisi ini adalah berdasarkan kepada Arahan, Pekeliling, Surat Pekeliling dan Surat Arahan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (Perbendaharaan) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.3.2 Rujukan untuk Polisi Penjanaan Pendapatan ini adalah juga berdasarkan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh UTeM seperti Pekeliling dan Surat Pekeliling Bendahari yang berkaitan:

- i. Akta Syarikat 1965 [Akta 125];
- ii. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Peraturan 4 (Pekerjaan Luar), Jadual Kedua (Seksyen 5), Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-badan Berkanun;

- iii. Polisi dan Garis Panduan Perundingan serta *Intellectual Property and Commercialisation Guidelines* yang digunapakai dan mana-mana pihak yang berkuasa bagi menentukan sesuatu peraturan dan prosedur yang berkaitan;
- iv. Pekeliling Bendahari Bil. 11/2012 - Buku Peraturan Kewangan Perakaunan Universiti;
- v. Pekeliling Bendahari Bil. 4/2014 - Garis Panduan Penjanaaan Pendapatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka;
- vi. Pekeliling Bendahari Bil. 6/2014 - Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Ruang Dan Kemudahan.
- vii. Pekeliling Bendahari Bil. 1/2013 - Garis Panduan Tadbir Urus Anak Syarikat;
- viii. Pekeliling Bendahari Bil. 2/2013 - Penubuhan Tabung Endowmen/ Wakaf UTeM dan Tabung Sumbangan UTeM;
- ix. Pekeliling Bendahari Bil. 2/2012 - Peraturan Pembayaran Enumerator Dan Khidmat Perunding Penyelidikan;
- x. Pekeliling Bendahari Bil. 10/2012 - Tatacara Pengurusan Akaun Amanah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) (Panduan pengurusan tabung untuk sesuatu aktiviti/program);
- xi. Pekeliling Bendahari Bil. 2/2007 - Penetapan Kadar Bayaran Penceramah Bagi Penceramah Sambilan Universiti Teknikal;
- xii. Pekeliling Bendahari Bil. 9/2002 - Penentuan Kos Seminar; dan
- xiii. Lain-lain Pekeliling dan Surat Pekeliling yang berkaitan.

1.4 Tarikh Kuat Kuasa

1.4.1 Polisi Penjanaan Pendapatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

BAB 2

DEFINISI

- 2.1 **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)** ialah pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan dan diperbadankan di bawah Perintah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pemerbadanan) 2007 [P.U.(A) 43/2007] dan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka [P.U.(A) 45/2007] (yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia “KUTKM”), sebuah IPTA yang ditubuhkan pada 1 Disember 2000 mengikut perenggan 26(b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).
- 2.2 **Pihak Berkuasa Universiti - Kuasa dan Tanggungjawab**
- 2.2.1 **Lembaga Pengarah** merupakan pihak yang bertanggungjawab mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti. Lembaga Pengarah boleh melantik satu jawatankuasa bagi mengatur dan mengawal kewangan Universiti melalui Jawatankuasa Tetap Kewangan.
- 2.2.2 **Jawatankuasa Tetap Kewangan** adalah sebuah jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti yang bertanggungjawab untuk memperakukan perkara berkaitan kewangan yang melibatkan dasar atau polisi yang digunapakai di Universiti.
- 2.2.3 **Naib Canselor** ialah Ketua Eksekutif dan bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik dan pengurusan dan hal ehwal Universiti. Naib Canselor hendaklah menjalankan pengawasan am ke atas semua peraturan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib di Universiti.
- 2.2.4 **Majlis Eksekutif** adalah jawatankuasa yang bertanggungjawab sebagai penasihat kepada Naib Canselor berkenaan peraturan-peraturan yang ingin dilaksanakan di Universiti.
- 2.2.5 **Bendahari** adalah pegawai yang bertanggungjawab kepada Naib Canselor bagi menguruskan kewangan dan perakaunan Universiti.

- 2.2.6 **Jawatankuasa Penjanaaan Pendapatan UTeM (JPPU)** merujuk kepada Jawatankuasa yang ditubuhkan dengan kelulusan dan pelantikan oleh Naib Canselor yang bertanggungjawab untuk menentukan skop penjanaaan pendapatan kepada Universiti:
- i. mempunyai keahlian dari pelbagai PTJ yang mempunyai kemahiran dalam bidang masing-masing yang dapat dikongsikan kepada Universiti berkaitan aktiviti penjanaaan pendapatan; dan
 - ii. bertanggungjawab kepada Naib Canselor dan akan membentangkan laporan dan keputusan Jawatankuasa serta status tindakan kepada Mesyuarat Majlis Eksekutif di bawah pembentangan Portfolio Pejabat Bendahari.
- 2.3 **Pusat Tanggungjawab (PTj)** merangkumi semua fakulti, pusat, institut dan pejabat di UTeM yang akan bersama-sama membantu melaksanakan aktiviti-aktiviti penjanaaan yang diluluskan sama ada aktiviti semasa atau aktiviti penjanaaan baru.
- 2.4 **Aktiviti Penjanaaan Pendapatan** adalah merangkumi semua jenis aktiviti atau sumber yang dapat memberikan hasil/menyumbang kepada pendapatan dalaman Universiti.
- 2.5 **Pihak Ketiga atau Pelanggan** adalah orang perseorangan, agensi kerajaan dan badan berkanun, agensi swasta, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), atau mana-mana organisasi sama ada di dalam atau di luar Malaysia (termasuk Anak Syarikat Universiti), yang berurusan dan menggunakan perkhidmatan atau terlibat dengan aktiviti penjanaaan yang dilaksanakan di Universiti.
- 2.6 **Kontrak Perjanjian** adalah satu bentuk Polisi bertulis yang terdiri daripada Polisi perjanjian atau surat persetujuan sama ada dalam bentuk Memorandum Persefahaman (MoU) atau Memorandum Perjanjian (MoA) antara pihak Universiti dan Pelanggan atau pihak yang berkaitan.
- 2.7 **Kadar Bayaran atau Caj Perkhidmatan** meliputi segala jenis hasil yang diterima oleh Universiti daripada aktiviti yang dijalankan atau perkhidmatan yang ditawarkan Universiti seperti sewaan peralatan, penggunaan bahan, premis atau sebarang

2.12 Aset dan Kemudahan Universiti

2.12.1 Aset adalah harta benda kepunyaan atau milikan atau di bawah kawalan Universiti dan terbahagi kepada dua iaitu aset tetap dan inventori.

2.12.2 Kemudahan merangkumi lekapan dan kelengkapan yang diperlukan seperti kemudahan pendingin hawa, rangkaian internet, perabot, utiliti dan sebagainya.

sumber Universiti berdasarkan kadar-kadar yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Universiti.

2.8 **Kumpulan Wang Pendapatan (KW07)** adalah Kumpulan Wang yang mengakaunkan segala penerimaan sumber pendapatan yang dijana sendiri oleh Universiti daripada aktiviti yang dilaksanakan.

2.9 **Akaun Amanah (Tabung)**

2.9.1 Tabung Amanah ialah Akaun Amanah yang dibuka/diwujudkan untuk menguruskan kewangan sesuatu aktiviti dan program yang telah diluluskan dan mengakaunkan caruman wang daripada badan-badan dan/atau orang perseorangan yang diamanahkan kepada Universiti.

2.9.2 Tabung Endowmen/Wakaf UTeM adalah tabung yang diwujudkan untuk menguruskan pemberian/sumbangan dari pelbagai pihak kepada Tabung Endowmen/Wakaf UTeM yang mana sumbangan untuk tujuan wakaf perlu dikekalkan mengikut maksud pemberi sumbangan, manakala hanya hasil atau pulangan dari harta yang diwakafkan sahaja yang boleh digunakan atau dimanfaatkan bagi tujuan kebajikan atau tujuan lain yang ditentukan pemegang amanah.

2.9.3 Tabung Sumbangan UTeM adalah tabung yang diwujudkan untuk menguruskan pemberian dari pelbagai pihak yang membuat sumbangan kepada tabung ini. Sumbangan dalam bentuk derma, sedekah atau infak boleh dimanfaatkan sepenuhnya, diagihkan atau digunakan untuk tujuan manfaat kekal atau terus dibelanjakan mengikut maksud dan tujuan pemberi sumbangan atau tujuan yang telah dipersetujui.

2.10 **Vot Pendapatan** adalah kod rujukan yang disediakan oleh Pejabat Bendahari di dalam Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) untuk menyimpan rekod pendapatan daripada setiap aktiviti penjana pendapatan yang dilaksanakan.

2.11 **Anak Syarikat Universiti** adalah Syarikat Induk (*Holding Company*) dan Subsidiari (*Subsidiary Company*) di bawah kawalan Universiti di mana Universiti mempunyai pegangan ekuiti lebih dari 50%;

BAB 3

PUNCA KUASA

3.1 Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

3.1.1 Seksyen 5 Bahagian I Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka antaranya memperuntukkan kuasa kepada Universiti, dengan kelulusan Menteri Kewangan, untuk menyertai ekuiti, perkongsian, usaha sama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan yang lain bersama sesuatu perusahaan, syarikat, pengusahaan swasta atau sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain.

3.1.2 Ia juga memberi kuasa kepada Universiti untuk menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Universiti.

3.1.3 Ia turut membenarkan Universiti memperoleh atau memegang syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang diterbitkan dan menjalankan atau menguatkuasakan hak dan kuasa yang diberikan atas pemunyaan yang tersebut iaitu menjual, memindah hak milik, menukar atau melupuskan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti itu.

BAB 4

SKOP DAN AKTIVITI PENJANAAN PENDAPATAN

4.1 Skop Penjanaaan Pendapatan

- 4.1.1 Skop dan aktiviti penjanaaan pendapatan Universiti yang hendak dijalankan perlulah mempunyai kaitan dengan fungsi utama Universiti.
- 4.1.2 Skop penjanaaan pendapatan tidak terhad kepada program yang berbentuk penyelidikan, perundingan, pengurusan prasarana atau latihan semata-mata. Ia merangkumi segala aktiviti yang dapat menjana pendapatan atau hasil dari pelaksanaan sesuatu aktiviti yang mana keuntungan atau perolehan dari aktiviti tersebut dapat menyumbang kepada peningkatan sumber dalaman Universiti.
- 4.1.3 JPPU bertanggungjawab dalam penentuan skop penjanaaan pendapatan dan juga berperanan untuk memantau dan menggerakkan aktiviti-aktiviti yang dapat menjana pendapatan Universiti.
- 4.1.4 Skop bagi penjanaaan pendapatan boleh dipertingkatkan dengan perancangan strategi dan pelaksanaan yang teratur dengan melihat peluang, kekuatan dan potensi yang dimiliki oleh Universiti melalui:
- i. Program/aktiviti sedia ada yang boleh dipertingkatkan untuk pengkomersilan;
 - ii. Program/aktiviti baru yang berpotensi untuk meningkatkan penjanaaan pendapatan; dan
 - iii. Penawaran perkhidmatan perundingan dari kepakaran/kemahiran dimiliki oleh staf terutama dalam bidang-bidang tertentu.

4.1.5 Bidang yang telah dikenalpasti dapat menjana pendapatan Universiti, namun tidak terhad kepadanya, adalah seperti berikut:

- i. Latihan Akademik Dan Teknikal (Eksekutif Dan Profesional)
 - a. Universiti boleh menawarkan perkhidmatan latihan melalui kursus jangka pendek dan jangka panjang atau penawaran program akademik secara eksekutif dan usahasama.
 - b. PTj boleh membantu menjana pendapatan Universiti melalui penawaran kursus/seminar/bengkel kepada pihak luar.
- ii. Perkhidmatan Pengurusan Aset dan Kemudahan Universiti serta Pengurusan Ladang
 - a. Universiti memiliki kemudahan aset dan fasiliti yang boleh disewakan kepada pihak luar iaitu ruang prasarana yang terdapat di UTeM yang boleh dikomersilkan seperti ruang terbuka, ruang niaga, dewan, bilik kuliah, bilik latihan dan lain-lain ruang, kemudahan sukan dan penyewaan peralatan makmal/komputer yang ditentukan fakulti/PTj sebagai pemilik ruang/aset.
 - b. Aset dan kemudahan yang dimiliki oleh Universiti boleh disewakan kepada pihak luar/swasta/anak syarikat Universiti. Namun begitu, ia tidak boleh dibeli, dijual, dicagar atau dipindahmilik oleh penyewa.
 - c. Pengurusan ladang adalah merujuk kepada aktiviti menguruskan ladang Universiti yang diuruskan sendiri dengan melantik pihak/orang lain secara kontrak untuk menguruskan ladang dengan dipantau oleh pihak Universiti.

- iii. Endowmen dan Sumbangan
 - a. Salah satu inisiatif penjanaan pendapatan Universiti adalah penubuhan Tabung Endowmen/Wakaf UTeM dan Tabung Sumbangan UTeM.
 - b. Tabung ini adalah merupakan tabung kebajikan yang ditubuhkan untuk mengumpul dana serta memberikan peluang kepada syarikat korporat, agensi luar, orang ramai, individu, alumni, PTj dan staf UTeM untuk menghulurkan sumbangan bagi merencanakan lagi aktiviti keserjanaan ilmu di UTeM.
- iv. Perundingan, Pengkomersilan Produk Penyelidikan Dan Penyelidikan Kontrak
 - a. Perkhidmatan perundingan adalah merujuk kepada kepakaran, guna tenaga, perundingan atau apa-apa bentuk perkhidmatan yang boleh ditawarkan Universiti.
 - b. Pengkomersilan produk penyelidikan ini dapat menjana pendapatan Universiti melalui pengkomersilan produk penyelidikan di pasaran.
 - c. Sebarang penyelidikan kontrak yang diperolehi dan dijalankan oleh UTeM dan anak syarikatnya tertakluk kepada Polisi Penyelidikan yang berkuat kuasa di UTeM. Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (CRIM) akan bertanggungjawab bagi memberikan Kod Projek, menguruskan dan memantau aktiviti sebarang Penyelidikan Kontrak yang diperolehi oleh UTeM.
- v. *Jualan/Business Online*, Pascasiswazah, Faedah Dari Pelaburan Dan Pinjaman dan Aktiviti-aktiviti Lain
 - a. *Jualan/Business Online* merupakan inisiatif baru untuk memasarkan produk/kemudahan/pelbagai aktiviti penjanaan UTeM secara lebih meluas lagi melalui atas talian/*Online*.

- b. Peningkatan hasil melalui Pascasiswazah boleh ditingkatkan dengan penawaran kursus-kursus baru.
- c. Faedah dari pelaburan adalah merupakan faedah atas simpanan tetap, pinjaman (kenderaan dan komputer) dan pelaburan jangka panjang.

4.2 Aktiviti Penjanaan Pendapatan

- 4.2.1 Penjanaan pendapatan merujuk kepada hasil atau pendapatan/keuntungan yang disumbangkan dari aktiviti yang dilaksanakan oleh PTj/kumpulan projek yang dapat menyumbang kepada peningkatan sumber dalaman Universiti.
- 4.2.2 Pelbagai hasil telah dijana sebagai sumber dalaman Universiti seperti yuran pelajar, keuntungan pelaburan tetap, caj penyewaan aset serta kemudahan, jualan dan pelbagai hasil dan keuntungan.
- 4.2.3 Penjanaan pendapatan juga boleh ditawarkan melalui penawaran perkhidmatan iaitu merujuk kepada penawaran kepakaran, gunatenaga, perundingan atau apa-apa bentuk khidmat yang boleh ditawarkan.
- 4.2.4 Hasil keuntungan daripada pelaksanaan sesuatu projek/aktiviti oleh PTj dapat disumbangkan kepada Universiti melalui pembahagian keuntungan antara PTj dan Universiti ke atas apa-apa lebihan/keuntungan semasa penutupan Akaun Amanah yang berkenaan.
- 4.2.5 Setiap penggunaan aset dan kemudahan Universiti hendaklah dikenakan bayaran sama ada berbentuk sewa atau caj mengikut jenis aset dan kemudahan tersebut seperti ruang kaki persegi, masa atau tempoh penggunaan, jarak, bilangan peserta dan sebagainya berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 4.2.6 Aktiviti penjanaan pendapatan yang mempunyai risiko rendah (*low risk*) dan dijalankan secara sambilan (*part time*) boleh dilaksanakan sendiri oleh staf/PTj. Manakala aktiviti penjanaan yang perlu dilaksanakan sepenuh masa adalah dicadangkan diuruskan oleh entiti perniagaan.

- 4.2.7 Aktiviti penjanaan pendapatan yang berisiko tinggi (*high risk*) boleh diuruskan oleh anak syarikat bagi mengurangkan risiko perundangan kepada Universiti.
- 4.2.8 Kelulusan melaksanakan program/projek adalah di bawah kuasa Naib Canselor. Walau bagaimanapun, Naib Canselor boleh menurunkan atau mewakilkan kuasanya kepada pegawai yang dinamakan.
- 4.2.9 Kelulusan/sokongan pihak yang terlibat:
- i. Aktiviti penjanaan yang menggunakan aset dan kemudahan Universiti, perlulah mendapat kebenaran daripada pemilik aset/PTj dan hendaklah tidak menjejaskan kepentingan dan kebajikan pelajar dan staf Universiti; dan
 - ii. Aktiviti penjanaan pendapatan yang menawarkan perkhidmatan perlu mendapat kelulusan dari pihak Universiti/PTj/JPPU atau individu (staf) yang terlibat.
- 4.2.10 Aktiviti penjanaan pendapatan hendaklah dilaksanakan dengan kos pengurusan yang paling optimum bagi memaksimumkan sumbangan pendapatan kepada Universiti.
- 4.2.11 Semua hasil yang diterima daripada aktiviti/projek yang dijalankan di bawah atau melalui Universiti, hendaklah dibuat atas nama **Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka**.
- 4.2.12 Sumbangan yang layak mendapat pengecualian cukai:
- i. Penyumbang Tabung Endowmen/Tabung Sumbangan/Derma
 - a. Penyumbang layak mendapat Pengecualian Cukai Pendapatan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (No. Rujukan: LHDN.01/35/42/51/179-6.6019) dengan mengemukakan resit rasmi Universiti yang dicap "Dikecualikan Cukai Pendapatan Di bawah (Seksyen) 44(6) Akta Cukai Pendapatan".

- ii. Pendapatan Daripada Hasil Penyelidikan
 - a. Mulai Tahun Taksiran 2004, pendapatan yang diterima oleh seseorang individu daripada hasil penyelidikan saintifik yang dikomersilkan, diberi pengecualian cukai sebanyak 50% daripada pendapatan statutori dalam tahun asas bagi tahun taksiran, untuk tempoh lima (5) tahun dari tarikh bayaran pertama.
 - b. Saintis yang menerima bayaran tersebut hendaklah warganegara dan bermastautin di Malaysia. Manakala hasil penyelidikan yang dikomersilkan itu hendaklah ditentu sahkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

- iii. Yuran Atau Honorarium Khidmat Pakar
 - a. Mulai Tahun Taksiran 2004, yuran atau honorarium yang diterima oleh seseorang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikannya untuk tujuan validasi, moderasi atau akreditasi program pendidikan francais di institusi pengajian tinggi diberi pengecualian cukai pendapatan.
 - b. Perkhidmatan yang diberikan oleh individu tersebut hendaklah ditentu sahkan atau diperaku oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Walau bagaimanapun, pengecualian cukai pendapatan ini tidak akan dibenarkan jika bayaran yang diterima menjadi sebahagian daripada gaji yang timbul dalam menjalankan tugas rasmi.

RUJUKAN

Akta Universiti Dan Kolej Universiti (Pengubahan Dan Penambahan Kepada, Perlembagaan) (Universiti Teknikal Malaysia Melaka) 2010.

Akta Syarikat 1965.

Garis Panduan Pelaburan Untuk IPTA April 2004.

Jabatan Perdana Menteri, Pekeliling dan Surat Pekeliling Am.

Jabatan Perkhidmatan Awam, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan.

Kementerian Kewangan Malaysia, Arahan Perbendaharaan (2008), Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Kementerian Kewangan Malaysia, Pekeliling, Surat Pekeliling dan Surat Arahan Perbendaharaan, Laman Sesawang Perbendaharaan.

GLOSARI

| | |
|-----------------------|-------------------------------------|
| UA | Universiti Awam |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| LPU | Lembaga Pengarah Universiti |
| NC | Naib Canselor |
| Perbendaharaan | Kementerian Kewangan Malaysia |
| PTj | Pusat Tanggungjawab |
| Universiti | Universiti Teknikal Malaysia Melaka |
| UTeM | Universiti Teknikal Malaysia Melaka |